



Ruj.Kami : Prk.ML.08/35-22 (64)
Tarikh : 18 April 2016

SEGERA DENGAN FAKS DAN POS

Pengerusi
Pertubuhan Pemilik Bot Ikan Pulau Pinang
106, Taman Sri Mewah Indah
Taman Iping, Batu Maung
11960 Bayan Lepas
PULAU PINANG

Tuan,

PEMBATALAN KEBENARAN PENGGUNAAN KRU ASING BAGI VESEL PUKAT TUNDA ZON B1 DI PANTAI BARAT SEMENANJUNG MALAYSIA (PEKELILING BIL. 5/2015)

Adalah saya dengan segala hormatnya berhubung perkara tersebut di atas dan merujuk surat tuan bertarikh 8 Mac 2016 mengenai perkara yang sama adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Perikanan Malaysia telah menerima surat tuan berhubung perkara tersebut di atas. Terlebih dahulu Jabatan ini mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan tuan di dalam isu yang dibangkitkan.
3. Untuk makluman tuan, pekeliling terdahulu yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia telah memberi kebenaran penggunaan 80% kru asing kepada vesel nelayan komersial pukat tunda bermuatan 25 GRT dan ke atas untuk Zon B1 di Pantai Barat Semenanjung Malaysia yang meliputi negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.
4. Jabatan Perikanan Malaysia sedia maklum akan rungutan pengusaha vesel pukat tunda Zon B mengenai kesukaran mereka untuk mendapatkan pekerja tempatan. Namun begitu, Jabatan ini turut melihat dari segi aspek keselamatan negara memandangkan kedudukan Zon B begitu hampir dengan pantai dan seterusnya impak kru asing terhadap nelayan serta penduduk tempatan.

5. Oleh yang demikian setelah mengambil kira situasi semasa berkaitan dengan isu-isu keselamatan serta kesejahteraan awam, Jawatankuasa Dasar Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah mengambil keputusan untuk **membatalkan kebenaran penggunaan kru asing bagi vesel-vesel pukat tunda di Zon B1**.

6. Selaras dengan itu, Jabatan Perikanan Malaysia telah mengeluarkan **Pekeliling Pelesenan Bil. 5/2015 berhubung Pembatalan Kebenaran Penggunaan Kru Asing bagi Vesel-Vesel Pukat Tunda Zon B1 di Pantai barat Semenanjung Malaysia melalui surat rujukan Prk.ML.08/35-22(53) bertarikh 28 Disember 2015** yang mengandungi ketetapan seperti berikut:

- i) **Permit baru kru asing tidak dibenarkan untuk dikeluarkan berkuatkuasa serta-merta dari tarikh surat tersebut dikeluarkan.**
- ii) **Bagi permit kru asing yang masih sah, tempoh sah permit adalah berkuatkuasa sehingga 1 Jun 2016.**

7. Segala kerjasama dan perhatian tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(DATUK HAJI ISMAIL BIN ABU HASSAN)

Ketua Pengarah
Jabatan Perikanan Malaysia
PUTRAJAYA

s.k

YB DATO' SRI AHMAD SHABERY BIN CHEEK
Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
Aras 17, Menara 4G1, Wisma Tani
No.28, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62624 PUTRAJAYA

Y.H. Dato' Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pengurusan)

YBrs. Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pembangunan)

Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber

Pengarah Bahagian Perlindungan Sumber

Pengarah Perikanan Negeri Pulau Pinang